



Daing Nasir (dua dari kiri) dan Chi Yong (tengah) berbual pada majlis pemeteraian MoU yang turut dihadiri pegawai dari UMP serta GU.

## UMP, GU meterai MoU

BERITA HARIAN (PENYOKOKAN) 25 JAN 2016 m/s 14

**Pekan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama erat dengan Universiti Guizhou (GU), China, untuk saling memanfaatkan perkembangan bidang akademik dan penyelidikan di institusi masing-masing.

Kedua-dua universiti itu memeterai memorandum persefahaman (MoU) pada majlis di sini, baru-baru ini, yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, dan Timbalan Presiden GU, Prof Madya Chi Yong.

Chi Yong yang kali pertama mengunjungi kampus UMP itu

hadir bersama-sama delegasi meliputi Pengarah Pejabat Pertukaran dan Kerjasama Antarabangsa, Xia Weilan; Dekan Kolej Sains, Wang Pu; Dekan Kolej Pengurusan dan Ekonomi, Li Pingli; dan Timbalan Dekan Kolej Bahasa Luar Negara, Hu Ronghua.

### Rakan strategik

Yang turut hadir dari pihak UMP ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus; Dekan Pejabat Antarabangsa, Prof Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim;

dan Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Safie.

Daing Nasir berkata, pihak UMP mengalu-alukan kehadiran delegasi GU yang disifatkan sebagai rakan strategik.

"UMP memang ada jalinan erat dengan beberapa universiti di China. Kerjasama ini bakal merancakkan lagi program bersama-sama pihak GU," katanya.

Sementara itu, Chi berkata, pihaknya bertuah kerana berpeluang melawat kampus UMP yang indah, malah teruja dengan kemudahan dan kecanggihan makmal di universiti berkenaan.